

11 FEB 1999

Iran-Hubungan

DUTA IRAN GEMBIRA DENGAN HUBUNGAN DUA HALA

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Duta Iran ke Malaysia Hossein Fereydoun gembira dengan tahap perhubungan dua hala di antara kedua-dua negara dan berharap agar hubungan itu dapat dipertingkatkan.

Beliau berkata ia dapat dilaksanakan memandangkan masih terdapat banyak peluang seperti perdagangan dan pelancongan yang boleh diterokai kedua-dua negara.

Sambil menyifatkan hubungan sedia ada sebagai yang terbaik, beliau berkata rakyat Iran kini lebih tahu mengenai Malaysia berikutan hubungan yang semakin erat itu.

Hubungan itu dipertingkatkan terutama selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Iran pada 1997, katanya dalam satu temuramah dengan Bernama.

"Kami berpendapat bahawa Malaysia dan Iran boleh menjadi contoh yang baik mengenai jalinan kerjasama di antara negara-negara Islam." kata Fereydoun, yang telah berada di sini hampir empat tahun.

Katanya, Malaysia dan Iran juga berkongsi pendapat mengenai banyak isu antarabangsa seperti yang membabitkan Bosnia Herzegovina dan dunia Islam.

Mengenai perdagangan, Fereydoun berkata jumlah dagangan di antara kedua-dua negara mencapai AS\$160 juta pada tahun lepas.

Iran mengimport minyak sawit, getah dan produk kimia dari Malaysia manakala eksportnya termasuk produk petrokimia, buah-buahan dan permaidani.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz mengetuai satu misi perdagangan ke Iran tahun lepas untuk mempromosikan barangan Malaysia dan menggalakkan ahli perniagaan Iran untuk melabur di Malaysia.

Iran dianggap sebagai antara rakan dagang Malaysia yang baru muncul dan penting dengan keupayaan untuk membantu memasarkan produk Malaysia di rantau Teluk.

-- BERNAMA

AZZ AKD